

4th Issue **VOLUME 1 : JULY 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN



Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 1 | July 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 63** Creative Writing
- 67** Congratulations!
- 74** Thank You
- 75** Happy Retirement!
- 76** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 July 2025

PRESS & MEDIA COVERAGE

10 PENDIDIKAN

SUARA SARAWAK

RABU | 30 April 2025 | 2 Zulkaedah 1446H



RAKAM KENANGAN... Royston memam kenangan bersama-sama yang lain.



TERIMA KASIH... Royston menerima cenderamata daripada Firdaus (kiri).

Lahirkan banyak golongan profesional

[NUR FARDHAN RAZALI
sarakasarakas@gmail.com]

MUKAH: Universiti Teknologi MARA (UTM) Cawangan Sarawak Kampus Mukah menyasarkan kemukakan pelajar seramai 2,000 orang pada sesi pengajian akan datang.

Rektor UTM Cawangan Sarawak, Profesor Dr Firdaus Abdullah berkata, setakat ini jumlah pelajar di kampus tersebut sekitar 1,000 orang.

"Dengan jumlah pelajar yang ramai di sini, tentunya kita dapat melahirkan lebih banyak golongan profesional."

"Ini kerana, UTM Kampus Mukah menawarkan program diploma yang sangat diperlukan oleh industri pada masa kini," katanya. Beliau berkata demikian ketika

pada Majlis Berlanggar Meja Rujukan sempena Sambutan Aidilfitri Tahun 2025 UTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah di Dewan Sri Balau, di sini, malam kelmarin.

Mengulas lanjut, antara program diploma yang ditawarkan adalah bidang perladangan, teknologi akuakultur, teknologi pengeluaran herba serta pemuliharaan dan perbankan. Jelasnya, ini adalah bagi melahirkan generasi muda yang pakar dalam bidang-bidang tersebut.

Di samping itu, katanya lagi, UTM Kampus Mukah turut menawarkan program pra diploma kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Di UTM Kampus Mukah, kita juga mempunyai dua pusat penyelidikan atau entiti kecemerlangan dalam (EKC) iaitu Herbal and Ethnomedicinal Centre (HEC) dan Pusat Penyelidikan

Melanau (PPM).

"HEC memfokuskan kepada kajian berkaitan sains dan teknologi terutamanya dalam bidang pembuatan produk dan tanaman herba, di samping penyelidikan bidang pertanian dan akuakultur."

"Manakala PPM memfokuskan penyelidikan berkaitan dengan masyarakat Melanau seperti sejarah, sosioekonomi dan budaya masyarakat," katanya lagi.

Tambah Firdaus, dengan terbitkannya dua pusat penyelidikan ini, pihak UTM mengalu-alukan kerjasama dan penyertaan semua pihak untuk mengukir perikara menarik di Mukah sekali gus memajukan lagi nama Mukah.

Hadir sama, ADUN Talian Royston Valentine dan Pengerusi Rector UTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah Dr Abdul Jabbar Abdullah.

Suara Sarawak. 30 April 2025

PRESS & MEDIA COVERAGE



Foto: URAS Mukah

UiTM Night Bazaar serlah potensi pelajar

By TVS #ber, Berita Sarawak June 15, 2025 2:20 PM



MUKAH, 15 Jun: Program UiTM Night Bazaar bukan sekadar platform perniagaan malah berperanan sebagai wadah penting dalam memupuk semangat keusahawanan, membina keyakinan diri dan bakat kepimpinan dalam kalangan pelajar.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telian, Royston Valentine berkata, program seperti itu memberi ruang kepada pelajar untuk menimba pengalaman dunia perniagaan secara langsung di samping menjana pendapatan.

"Program ini menggalakkan penglibatan pelajar dalam bidang keusahawanan serta mendedahkan mereka kepada aspek pengurusan, kerjasama dan kepimpinan melalui aktiviti berkumpulan," katanya ketika mengunjungi tapak bazar di perkarangan Takan Berambih, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah, semalam.

Royston turut memuji usaha pihak pengurusan UiTM Mukah dan pelajar kerana berjaya menganjurkan program yang bukan sahaja menyumbang kepada ekonomi kampus malah mengeratkan hubungan sesama warga institusi dan masyarakat setempat.

"Inisiatif ini memperkukuh jalinan silaturahim dan semangat kerjasama antara pelajar serta staf dalam menjayakan program secara bersepadu," ujarinya.

Edisi keenam UiTM Night Bazaar tahun ini berlangsung selama tiga hari bermula 13 hingga 15 Jun, dengan tema *Neon Light Glow* menampilkan lebih 30 gerai melibatkan pelajar, persatuan dan peniaga luar.

Pelbagai makanan, minuman, barangan dan pakaian ditawarkan menarik perhatian warga kampus serta penduduk sekitar.

Turut memeriahkan acara ialah aktiviti sampingan seperti zumba, karaoke santai, pertandingan karaoke berantai, talent show dan lain-lain yang terbuka kepada semua pelawat dan pelajar. TVS

15 Jun 2025. <https://www.tvsarawak.my/>

Inou dengah UiTM Mukah? | 4th Issue | Volume 1 | July 2025

PRESS & MEDIA COVERAGE

Y.E.I.P 2025 Platform UiTM Mukah Perkasa Inovasi dan Keusahawanan Mahasiswa

Posted on 23 Jun 2025
Source of News: ukas



MUKAH: Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak Kampus Mukah terus memperkukuh perannya sebagai institusi pendidikan tinggi yang progresif dalam melahirkan graduan berdaya saing dan berfikir keusahawanan menerusi penganjuran Youth Entrepreneurship and Innovation Program (Y.E.I.P) 2025.

Program yang berlangsung selama dua hari pada 21 dan 22 Jun 2025 di Dewan Sri Balau UiTM Mukah itu merupakan anjuran bersama Unit Akademi Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Keusahawanan Malaysia (MASMED) dan Business Innovation and Technology Commercialization Centre (BITCOM) UiTM Mukah, sebagai usaha memperkasa ekosistem inovasi dan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa.

Menurut Ketua Projek merangkap Penyelaras Unit MASMED, Noraini Sa'ait, program edisi kedua Y.E.I.P ini bertujuan memupuk budaya inovasi dan keusahawanan dalam kalangan pelajar melalui pendedahan kepada dunia sebenar perniagaan dan pembangunan idea kreatif.

"Penyertaan pelajar dalam program seperti ini amat penting kerana ia membantu mereka membina kemahiran berfikir secara kritis, bekerja dalam pasukan, serta menyesuaikan diri dengan keperluan industri dan pasaran yang sentiasa berubah," ujarnya. Program kali ini turut menampilkan alumni UiTM yang juga usahawan berjaya, Nurulasyiqin Halidin, pengasas Miracle Beauty Lab Sdn Bhd, yang berkongsi pengalaman jatuh bangun beliau dalam dunia keusahawanan melalui sesi 'Zero to Hero: Alumni Sharing'.

Perkongsian tersebut memberikan inspirasi langsung kepada para peserta untuk membina semangat dan visi keusahawanan sejak di bangku pengajian.

Lebih 200 pelajar terlibat dalam program ini, khususnya daripada kursus Fundamental of Entrepreneurship (ENT300) dan Creative and Critical Thinking (MGT315).

Antara pengisian utama ialah Zentrepreneur Vibestart yang menampilkan ceramah Digital Ecosystem and Start-Up Journey for innovator oleh Syamsiah Hamdin dari Sarawak Digital Economy Corporation Berhad (SDEC) Mukah.

Kemuncak program disusuli dengan pertandingan Youth Innovation Competition (YIC) 2.0 yang mengetengahkan 35 produk inovasi ciptaan pelajar, dinilai oleh barisan juri profesional dari pelbagai sektor industri termasuk Sarawak Digital Economy Corporation Berhad (SDEC), CRAUN Research Sdn Bhd, Social Enterprise Education Lab (SEEd.Lab) Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) dan Miracle Beauty Lab Sdn Bhd.

Kerjasama rentas sektor ini bukan sahaja memperkukuh hubungan institusi dengan industri, malah membuka peluang kepada pelajar untuk menerima maklum balas yang membina, selain menajarkan hasil inovasi mereka dengan keperluan pasaran sebenar.

Majlis penutupan Y.E.I.P 2025 telah disempurnakan oleh Pegawai Eksekutif Kanan Hal Ehwal Pelajar UiTM Mukah, Ismaili Hajini yang menahirkan penghargaan atas komitmen tinggi para peserta serta menekankan kepentingan penglibatan pelajar dalam program berimpak tinggi seperti ini.

"Program seperti ini bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan bakat dan idea, malah membentuk pelajar yang lebih bersedia menghadapi cabaran dunia sebenar," ujar beliau.-EDISI UKAS

23 Jun 2025. <https://premierdept.sarawak.gov.my/>

SUARA SARAWAK

KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

13

RABU | 25 Jun 2025 | 28 Zulhijah 1446H



RAKAM KENANGAN... Peserta YELP merisik kenangan bersama-sama tetamu jemputan semasa majlis penutupan tersebut.

Pupuk budaya inovasi pelajar

MUKAH: Unit Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Keusahawanan Malaysia (MASMED) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak Kampus Mukah menganjurkan Youth Entrepreneurship and Innovation Program (YELP), di sini.

Ini merupakan pengajutan kali kedua dan melibatkan kerjasama Unit MASMED bersama Business Innovation and Technology Commercialization Centre (BITCOM) UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah. Menurut Ketua Projek YELP merangkap Penyelaras Unit

MASMED UiTM Sarawak Kampus Mukah Noraini Sa'at, objektif kali ini untuk memupuk budaya inovasi dan keusahawanan pelajar.

"Di samping itu, untuk mengintegrasikan kreativiti dalam kalangan pelajar melalui ekspo dan pertandingan inovasi yang diadakan."

"Menariknya, kali ini kita menjemput usahawan berjaya iaitu Pengasas Miracle Beauty Lab Sdn. Bhd. Nurulasyiqin Halidin dan beliau berkongsi pengalaman keusahawanan bersama pelajar," katanya dalam satu kenyataan.

Selubungan itu, katanya, program ini berjaya menarik

sekitar 200 pelajar yang sebahagiannya merupakan pelajar yang mengambil subjek Fundamental of Entrepreneurship (ENT300) dan Creative and Critical Thinking (MGT315).

"Program yang berlangsung selama dua hari ini memberi impak signifikan kepada pelajar dengan pengisian bermanfaat."

"Pada hari pertama, program dimulakan dengan Zentrepreneur Vibestart yang membawakan dua sesi istimewa iaitu ceramah Digital Ecosystem and Start-Up Journey for Innovator disampaikan oleh pihak Perbadanan Ekonomi Digital Sarawak (SDEC) Cawangan

Mukah Syamsiah Hamdin.

"Sesi diteruskan adalah perkongsian alumni Zero to Hero disampaikan oleh Nurulasyiqin yang juga alumni UiTM."

"Pada hari kedua, program diteruskan dengan Youth Innovation Competition (VIC) 2.0 yang menampilkan 35 produk inovasi untuk dipertandingkan," jelasnya.

Siri YELP kali ini juga membawakan juri daripada industri seperti SDEC, Craun Research Sdn. Bhd., Social Enterprise Education Lab (SEED Lab), PETRONAS dan Miracle Beauty Lab Sdn. Bhd.

Penganjur mengambil inisiatif ini untuk menghubungkan pelajar dengan wakil industri dengan harapan agar idea yang diketengahkan mampu memenuhi keperluan industri melalui maklumat diberikan.

Pertamian penutupan program ini disempurnakan oleh Pegawai Eksekutif Kanan Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah, Ismail Hajri.

Beliau turut berharap agar pelajar sentiasa aktif dalam aktiviti begini kerana ia akan menyumbang kepada pembangunan idea dan bukat mereka.

Suara Sarawak. 25 Jun 2025